



Berita Harian - Pastikan Cukai Dibayar, Dikutip Dengan Betul

🕒 Jumaat, Okt 19 2018



'Pastikan cukai dibayar, dikutip dengan betul'

84 19/10/18

Kerajaan perlu memastikan cukai sedia ada dibayar dan dikutip dengan betul sebelum menimbangkan sebarang cukai baharu dan menjadi sebuah negara yang mempunyai terlalu banyak cukai.

Rakan Urusan Negara Grant Thornton Malaysia, Datuk Narendra Jasani, berkata rakyat sudah pastinya tidak mahukan taktik keras yang dilaksanakan oleh pentadbiran terdahulu dari segi mengutip cukai akan berulang.

Namun, tegasnya audit dan siasatan cukai adalah diperlukan terutama bagi cukai yang tertunggak atau lama tidak dibayar sehingga di tahap tidak munasabah.

"Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja

Malaysia perlu meningkatkan tahap pematuhan cukai sambil mengurangkan jurang cukai.

"Ini bagi memastikan bahawa cukai yang betul dapat dikutip. Ia juga adil kepada pembayar cukai yang patuh membayar jumlah yang betul sebagai tugas kepada negara," katanya dalam satu kenyataan mengenai Bajet 2019.

Contohi Australia

Mengenai cukai digital, Narendra berkata, sistem yang mengenakan cukai ke atas jualan di internet itu adalah satu cabaran, namun Kementerian Kewangan boleh mencontohi kaedah Australia.

Beliau berkata, syarikat dagangan Internet perlu diberikan

MENJELANG BAJET 2019

tanggungjawab untuk membayar cukai jualan bagi barangan mereka yang dijual di negara ini.

Ketika ini, katanya kebanyakan barangan fizikal cukai di bawah cukai jualan apabila dijual oleh pengeluar kepada pemborong atau terus kepada peruncit, manakala barangan diimport dari luar negara

juga tertakluk kepada cukai jualan sebelum dilepaskan oleh Kastam.

"Namun, jualan oleh internet mungkin tidak menanggung cukai jualan di bawah peraturan semasa jika konsainan di bawah RM500, sekali gus tidak tertakluk kepada cukai jualan.

"Bukan hanya kerajaan kehilangan hasil cukai, malah ia tidak adil kepada pemborong dan peruncit tempatan yang menyediakan peluang pekerjaan serta menyokong ekonomi negara," katanya.

Mengulas hasil negara, Narendra berkata, Malaysia bernasib baik kerana pendapatan daripada PETRONAS, sama ada dari segi cukai dan dividen akan menyumbang lebih besar kepada kantung

kerajaan pada tahun ini.

Jangka pulangan lebih tinggi

Tambahan lagi, beliau menjangkakan berlaku kenaikan lebih besar pada 2019 berbanding tahun ini, dengan sebab utamanya sudah pasti disebabkan kenaikan besar harga minyak daripada AS\$45 setong pada awal 2017 kepada kira-kira AS\$84 ketika ini.

"Pelaburan negara yang lain kebanyakannya dipegang menerusi Khazanah Nasional Bhd. Dengan perubahan pengurusan dan kawalan lebih baik, negara boleh menjangkakan pulangan lebih tinggi daripada pelaburan Khazanah, dari segi cukai dan dividen dibayar kepada Perbendaharaan," katanya.

**Pekeliling
Perbendaharaan**

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216